

25/07/2002

Cara pengukir luah kecintaan seni ukiran tradisional

Azmi Md Deros

TUNGGUL kayu hanyut yang ditemui di dalam sungai atau kayu sisa runtuh bangunan mungkin tidak bernilai bagi kebanyakan orang. Disebabkan kita tidak mempunyai kreativiti tertentu atau minat terhadap bahan berkenaan, ia menjadi bahan buangan atau tidak diendahkan.

Namun bagi peminat seni ukiran kayu dan mereka yang kreatif, kayu sedemikian memang dicari untuk ditukar bentuknya menjadi satu karya unik lagi menarik.

Itulah `kegilaan' yang dialami tiga pengukir dari Kampung Sungai Terap, Batu Gajah, Perak yang sentiasa memilih kayu terbuang untuk meluahkan kecintaan mereka terhadap seni ukiran tradisional melalui hasil karyanya.

Noor Khairi Abdul Rahim, 38, berkata beliau memilih tunggul kayu hanyut kerana biasanya bahan berkenaan yang selalunya berusia berpuluh atau beratus tahun mempunyai struktur yang keras, manakala bentuknya yang unik amat sesuai dibuat arca.

"Kayu sisa runtuh bangunan lama juga amat sesuai kerana ia biasanya dari jenis kayu keras dan tahan.

"Kayu jenis berkenaan mungkin sukar ditemui, tetapi amat memberi kepuasan apabila diukir dan bentuknya diubah menjadi arca yang menarik lagi unik," katanya.

Medium ukiran berkenaan bagaimanapun tidak terhad kepada kedua-dua jenis kayu berkenaan, sebaliknya mereka juga bersedia menggunakan kayu atau papan yang diberikan pelanggan yang menempahnya.

Kayu yang paling baik untuk diukir ialah dari jenis cengal dan meranti kerana ia keras dan tidak mudah pecah atau retak.

Noor Khairi menjalankan kegiatan itu bersama sepupunya, Anuar Zainuddin, 38, dan seorang lagi rakan mereka, Ayob Mahathir, 25.

Apa yang menarik, ketiga-tiga mereka tidak pernah menjalani latihan mengukir kayu secara formal, sebaliknya berbekalkan minat yang mendalam untuk meneruskan kesinambungan kesenian dan kebudayaan Melayu yang diwarisi sejak turun temurun.

Mereka menghasilkan ukiran berkenaan menggunakan pisau ukiran khas iaitu pisau mata wali, pahat dan penukul.

Noor Khairi berkata, sejak mula berkarya secara serius tiga tahun lalu mereka sudah menghasilkan beratus-ratus ukiran, termasuk arca, tulisan khat, bingkai cermin dan pelbagai hiasan dalaman rumah yang dihasilkan mengikut kreativiti sendiri atau ditempah orang ramai.

Harga yang dikenakan bergantung kepada sukarnya ukiran itu disiapkan atau saiznya.

Menyentuh mengenai hasil karya terbarunya, beliau berkata, ia adalah sebuah ukiran yang diberi nama `Sesusu' yang menggambarkan wajah tiga wanita mewakili kaum ibu yang menyusukan anak-anak seluruh dunia.

"Arca berkenaan yang tingginya kira-kira satu meter dibuat daripada kayu cengal nyior yang dijumpai berhampiran jeti Polis Marin Kampung Aceh, Lumut.

"Ia sebenarnya simbol kemakmuran negara kita yang memberi banyak peluang kepada rakyatnya untuk membangun dalam keadaan aman dan selamat," katanya yang turut meminati bidang kesusasteraan Melayu, khususnya puisi berbentuk patriotisme.

Sebagai melahirkan tanda kekagumannya terhadap kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beliau bersama rakannya turut menghasilkan ukiran potret pemimpin kebanggaan negara itu.

Selain sibuk menyiapkan ukiran, mereka juga kerap mengadakan pameran di merata tempat di seluruh negara.

Noor Khairi berkata, bagi membantu mengembangkan kesenian tradisional Melayu itu, mereka bertiga bersedia mengajar pemuda di kampungnya mengukir kayu, bagaimanapun golongan berkenaan kurang berminat dan ramai yang belajar hanya sekerat jalan.

"Mungkin bagi mereka kegiatan ini membosankan kerana sesuatu karya terpaksa mengambil masa untuk disiapkan dan ia amat memerlukan ketekunan dan kesabaran," katanya.